

02/05/2003

Malaysia amalkan sikap berbaik dengan semua pihak

Ahmad Fauzi Mustafa; Mohd Yusof Sulaiman

SISTEM pertahanan terbaik bagi mengelak negara diancam atau disasarkan oleh pihak tertentu ialah berbuat baik dengan semua orang, termasuk pihak

musuh, sekali gus menidakkan anasir subversif.

Ini disuarakan oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Shafie Apdal, yang menyifatkan tidak rugi sebenarnya untuk berbaik dengan semua orang atas dasar kepentingan ramai.

Sebenarnya, katanya, tidak semudah disangka untuk berbaik dengan setiap orang kerana maksud untuk berbaik dengan semua orang turut merangkumi musuhnyanya.

"Apabila kita berbuat baik dengan semua orang, nescaya orang lain akan berbuat baik dengan kita.

"Inilah sistem pertahanan terbaik buat rakyat jelata dan perkara itu sebenarnya dipraktikkan oleh Malaysia dalam meluahkan setiap prinsip dan dasar luar negara.

"Menerusi amalan berbaik berkenaan, negara lain perlu mempunyai sebab yang kukuh sebelum memulakan sebarang persengketaan atau konflik dengan Malaysia.

"Apa yang pasti, saya percaya setiap rakyat tidak kira negara ini atau negara lain seperti Indonesia, China dan Russia akan tetap mempertahankan tanah air sendiri.

"Setiap rakyat cintakan negara ini dan kecintaan yang tinggi itu membolehkan setiap orang sanggup mempertahankan diri dan negara.

"Oleh itu, saya tidak fikir rakyat kita akan duduk diam saja jika `benar' di ambang peperangan sekali pun," katanya kepada Berita Harian di

pejabatnya di Kementerian Pertahanan, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Mengenai soal penjajahan atau bentuk serangan, Shafie berkata, perkara itu pernah disuarakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beberapa tahun lalu.

Katanya, penjajahan atau serangan luar boleh berlaku dari pelbagai sudut, di mana pihak tertentu yang melihat sesebuah negara itu mempunyai kekayaan sumber semula jadi atau negara yang makmur akan cuba menghancurkannya.

"Akhirnya jika sesebuah negara itu tidak stabil dalam segala aspek, ia pasti ranap," katanya.

Shafie berkata, peristiwa yang berlaku sekarang mempunyai hikmah yang boleh dipelajari masyarakat dunia, termasuk rakyat Malaysia.

Katanya, seperti di Iraq yang mempunyai minyak, pastinya menarik perhatian pihak luar untuk mendapatkan kekayaan itu atas kepentingan sendiri sehingga sanggup melaga-lagakan rakyat Iraq, khususnya pemimpin politik yang dibuang negara serta perbezaan fahaman agama seperti puak Syiah dan pengikut Sunnah.

"Berlandaskan situasi itu, ia boleh memberi pengajaran bagi kita, lebih-lebih lagi Malaysia terdiri daripada masyarakat majmuk.

"Kerana itu kita perlu langkah kesederhanaan dan keseimbangan dari segi pendekatan, iaitu bagaimana negara kita membangun, bagaimana masyarakat kita hidup pelbagai kaum serta pengagihan kekuasaan dijadikan pertimbangan," katanya.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, pula berkata rakyat negara ini walaupun mempunyai pelbagai fahaman politik dan agama hendaklah berada dalam satu barisan yang utuh jika negara diancam oleh pihak musuh.

Katanya, perpaduan sepatutnya dijadikan formula terbaik yang dipegang oleh setiap rakyat, bermula daripada peringkat akar umbi hingga ke peringkat kepimpinan.

Beliau mengambil contoh, kesepakatan yang ditonjolkan penyokong kerajaan dan pembangkang serta penduduk di negara ini ketika menentang pencerobohan Amerika Syarikat dan sekutunya ke atas Iraq baru-baru ini.

Katanya, usaha sedemikian bukan saja memperlihatkan kerjasama utuh rakyat, malah menjadi suara penting rakyat bagi memberi dorongan kepada Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mencari kedamaian di muka bumi.